

## HIKMAH PERKAHWINAN DALAM ISLAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَفْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala sama ada di dunia mahupun akhirat.

Sidang Jumaat yang mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Syariat Islam sangat menggalakkan umatnya berkahwin kerana ia merupakan sebuah institusi asas dalam membentuk kehidupan bermasyarakat. Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberikan ganjaran pahala yang besar kepada mereka yang berkahwin kerana ia adalah ibadah kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala di samping mempunyai banyak hikmah yang terkandung di dalamnya.

Antara hikmah perkahwinan ialah mewujudkan ketenangan (*sakinah*), ia juga menyuburkan perasaan cinta (*mawaddah*) serta membentuk kasih dan sayang (*rahmah*) di antara pasangan suami isteri maka lahirlah kebahagiaan dalam kehidupan rumah tangga. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah al Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا

وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya) bahawa Dia mencipta untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir;*

Sidang Jumaat yang mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Syariat Islam menjadikan perkahwinan sebagai wadah yang paling mulia bagi mengembangkan zuriat serta mengekalkan penyambungan generasi manusia. Allah berfirman dalam surah al Nisa' ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا

رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Yang bermaksud: *Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam); dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (Hawa) dan juga membiakkan daripada kedua-duanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai;*

Syariat Islam hanya mengiktiraf perkahwinan antara lelaki dan perempuan sahaja. Sebaliknya perkahwinan sejenis adalah haram dalam Islam tetapi sejak akhir-akhir ini ada golongan berpemikiran songsang yang memperjuangkan LGBT antaranya bermaksud menghalalkan perkahwinan sejenis.

Golongan pemikiran songsang ini amat merbahaya kerana ia terdiri daripada badan-badan NGO dan sebahagiannya disokong oleh aliran-aliran politik tertentu yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia. Agenda gerakan ini boleh merosakkan akidah umat Islam dan membawa kepada

kehancuran institusi kekeluargaan dan kemusnahan kepada umat manusia seperti kebinasaan yang berlaku ke atas kaum Nabi Allah Lut Alaihisalam.

Sidang Jumaat yang mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Fitrah manusia cenderung melakukan hubungan antara lelaki dan perempuan. Perkahwinan adalah jawapannya yang paling tepat bagi memenuhi tuntutan nafsu tersebut dengan cara yang halal. Melalui perkahwinan, nafsu dapat dikawal serta dapat menyelamatkan diri daripada terjebak melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat yang dilarang oleh syarak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيَّتِي أَحَدُنَا شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ قَالَ أَرَأَيْتُمْ  
لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ فِيهَا وَزْرٌ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرًا

Yang bermaksud: *Persetubuhan kamu dengan isteri kamu itu adalah sedekah. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, adakah patut hanya untuk melepaskan dorongan nafsu syahwat pun kami diberi pahala? Rasulullah menjawab: Kamu pun tahu jika hal yang sama dilakukan kepada yang haram (wanita yang lain) diberi dosa? Oleh itulah, jika ia dilakukan kepada yang halal (isteri sendiri) tentu akan diberi pahala pula.*

Sidang Jumaat yang mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Sebagai kesimpulannya, konsep perkahwinan boleh membentuk kerjasama yang baik antara suami isteri, dapat meramaikan zuriat keturunan yang baik serta wujudnya saudara mara di kalangan keluarga lelaki dengan keluarga perempuan, akan bertambahlah jumlah orang yang bergelar kaum kerabat, sama ada sebagai ibu bapa mertua, ipar duai dan sebagainya. Dengan kemeriahan itulah akan dapat membentuk kehidupan keluarga berkualiti yang akhirnya melahirkan sebuah keluarga yang berjaya di dunia dan akhirat. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah al Furqan ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itulah orang) yang berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertaqwa."*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.